

Korang Share – Akak Ni Kongsi Pengalaman Interview Gagal 20x

Kenalkan, pembaca #sayashare ni namanya Hanis. Ikutkan ceritanya, beliau dah terlampau banyak kali failed dengan temuduga kerajaan. Saya perasan pun hasil daripada perkongsian beliau di komen tempoh hari. Lantas, terus saya email dan bertanyakan kenapa lah failed banyak sangat tu.

Hanis pun bersetuju dan berikan kita semua satu artikel perkongsian menarik untuk kita sama sama boleh jadikan contoh. Oh ya, 28 hari bulan, Hanis akan menghadiri temuduga kerajaan yang seterusnya, jum kita sama sama doakan Hanis, moga Allah kurniakan rezeki yang terbaik untuk beliau.. Amin

Kalau tiada apa apa, boleh mula baca perkongsian Hanis di bawah...

2017

Assalamualaikum...sy grade diploma perakaunan tahun 2007.. CGPA 3.26..Di sini..sy ingin berkongsi pglaman gagal dalam exam & temuduga jbbtn gov...senang sungguh saya dpt exam n intvw..kawan2 semua kata..mmg bnyk rezeki sy..mcm2 company panggil sy intrvw bila lihat resume saya..kawan2 ada yg dah 15tahun kerja..belajar sampai ke master pun..susah company@spa..gov nak panggil..ya..rezeki itu rahsia Allah..

2008 – Pembantu Tadbir

Pengkeranian/Operasi N17

Pertama kali sy ditemuduga pda tahun 2008..untuk jawatan pembantu tadbir pengkeranian/operasi N17..masa tu gaji basic rm700+ sahaja. Saya masih ingt soalan dia..panel tanya..siapa ketua menteri pulau pinang?sy dengan yakin mnjawab Lim Guan Eng..panel tanya saya..apa title nya..sy pun terkebil2..dato kott...hehehe..panel tolong jawab Tuan Lim guan Eng.haha...soalan kedua..mcm mana nk buat surat rasmi..saya pon..berceritala dgn gaya tangan..mula2..tuliskan nama sendiri..alamat..bla2...bla2..ok..dia kata betul..soalan ke3..kenapa nak kerja dgn kerajaan?n last soalan paling saiko..bila dia tanya..rasa ckup ke gaji yg ditawarkan berbanding dengan gaji sy pda masa tu rm1800..??so..masa tu sy xberapa yakin..sebab itu pglman pertama sy ditemuduga.jadi saya failed..

2009 – Pembantu Akauntan

2009.jawatan pembantu akauntan..taraf SPM..panel selak2 sijil..dia tgok sy ada dip.akaun..so dia tanya akaun..fuhh..trus trang sy ckp..sy xingt dah..sebab kerja sy skrg..xda kna ngena dgn akaun..so..dia angguk2..xpe..soalan lain ntang skop tugas jwtn yg dipohon.dia tanya pegtahuan am..so..sy xleh jawab apa..sbb sy xbersedia lgsung..n tiba2 blur...soalan mudah.. rukun negara je..so..failed

2012 – Agrobank

2012-Agrobank penolong akaun(kewangan)..4 panel(semua pengurus bank cawangan utara)..soalannya:tentang jwatan yg dipohon..tahu x..nanti keja tugasnya apa?..warna korporat agrobank...?ke-3 tentang pertanian..soalan trick..boleh ke..bawa kereta dlm padang(sawah)..?bersebab tanya gitu...huhu..result failed..

2013 – KWSP

KWSP 2013..jawatan pegawai akaun..sblm iv saya survey segala2 mlumat tntang kwsp..sy sanggup pergi ke cawangan KWSP yg terbakar baru2 ni..dari penang ye..jauh jugak..sbb sy yakin..ada rezeki..

Dlm satu bilik ada 3panel..5calon...soalannya..kenapa pentingnya penamaan utk pencarum?setiap calon jawab soalan berbeza2...sy yakin jer jawab..part saya..panel tanya.awak dah kawin ye..jika awak terpilih..utk ke sabah sarawak..adakah awak sanggup?suami mcm mana?erkk...saya senyum2..n jawab boleh..adoiii...dpt ja keputusan iv..failed..

2014 – LHDN

LHDN 2014..penolong penaksiran..

masa sy pergi iv ni..saya sarat mngandung 8bulan.hihi..semua yg pergi..semua bujang2..n masih muda2..dalam hati..adoi..persaingan ni..xpela..sy yakin rezeki tu ada..so..dlm bilik iv..soalan nya..tentang cukai..awak rasa gst tu membebankan x..utk org miskin?soalan ke-2..awak rasa org miskin..tapi ada pokok getah..kena bayar cukai x?semua sy jawab dgn yakin.xtahula betul ke salah..haha..soalan last..panel tanya due bersalin sy bila..sy jawab bulan11..so..dia kata..kalo ada rezeki awak..adala..sebab bulan 12 utk kemasukan staff..hmmm..so tgok result utk penempatan..nama xde..so..failed..

2014 – Pembantu Kewangan

NOV 2014-pembantu kewangan(under wisma persekutuan Alor setar)..Tak leh pergi iv..sebab..baru 3 hari bersalin..anak admit ward(kuning)...

2014 – Penolong Akauntan

DEC 2014-penolong akauntan..masa ni..sy dlm pantang hari ke-9..dengan pakai stokingnya..xlarat..ke iv...gagah jugak..sbb percaya..mngkin rezeki anak kali ni...xbersedia langsung..sebab dalam keadaan mcm tu..so..xde soalan menarik yg ditanya..banyak sembang2 jer..failed...

Banyak lagi iv syarikat swasta...tapi failed..sebab tiada pengalaman asas..walaupun dah kerja lama..

Banyak lagi bank BSN..Bank islam(so...sapa nk minta bank..harap bujang)yg dah kawin susah sikit..komitment tgg katanya..mngkin..nanti2 nak kena tranfer branch lain susah...

Exam spa banyak kali sgt dh..jawatan..penolong akauntan..penolong juruaudit..pembantu pengkeranian/operasi..pembantu akauntan.pembantu khidmat pelanggan.semua soalan tentang jawatan yg dipohon..kalau akaun..akaunla yg akn dtanya..basic je..bnyk soalan calculate yg xmampu dikira(kalkulator xdibenarkan)..so..kna cekap..soalan IQ..n saiko..contoh:antara berikut yg mna lagi berat..1kg batu atau 1kg kacang..dll..soalan paling xfaham adalah ..soalan utk tgok personaliti kita...sgt2 trick..contoh:sy seorang yang pnyabar..korang nak jawab ya ke tidak? online spa 2x je..

So..nasihat saya...kena banyak baca n faham sebelum iv..jgn hafal jer..sebab..masa iv nnti..penemuduga boleh tahu kita ni hafal atau yakin dgn jawapan sndiri...

28 March 2018

28hb march 2018 ni...sy dapat iv jwtn penolong akauntan(audit)under Majlis Perbandaran Seberang Perai(MPSP)...sy masih blur2..xtahu soalan apa yg nk ditnya nanti..persediaan dia sama je..

1. buka web Akaun negara
2. buka web audit negara
3. Tahu serba sedikit yg berkaitan dengan MPSP
4. skop kerja jawatan yg dipohon
5. baca isu semasa(gst..dll)
6. tanya kawan2 yg bkerja di jabatan ni..minta tips2 utk IV..
7. belajar bercakap sorang2..utk lebih yakin..masa perkenalkan diri nnti..hihi
8. selebihnya dah usaha..berdoa...solat hajat n tawakal...

#sesungguhnya rezeki itu rahsia Allah..trmasuklah rezeki dlm pekerjaan..n kita harus percaya..n yakin pada diri sendiri..

#semoga apa yg saya kongsi ini..sedikit sebanyak membantu kawan2 di luar sana..utk lebih bersedia...dlm situasi mcm ni..

TERIMA KASIH SUDI MEMBACA...

Macam ada bakat jadi blogger kan?

Orait, sekarang ni. Saya nak buat dua benda. 1, minta kita sama sama doakan Hanis untuk 28 hari bulan, dengan meninggalkan komen di bawah. Lagi satu ialah, saya ada sediakan satu artikel khas untuk perkongsian [tips temuduga kerajaan](#). Mungkin boleh bantu anda semua juga